



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL
2025
MEKANIKAL**

KOD : **PJM011**

SUBJEK : **PENGURUSAN WOKSYOP**

TARIKH : **10 MAC 2025**

MASA : **9.00 PAGI – 12.00 TGH.**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJM011 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.

Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

Pengurusan kenderaan kerajaan adalah salah satu daripada aspek pengurusan aset kerajaan bermula dari peringkat perancangan, perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan. Dalam memastikan pengurusan kenderaan jabatan dilaksanakan dalam keadaan yang baik dan optimum, Woksyop Kerajaan diwujudkan.

- a) Nyatakan rujukan punca kuasa Woksyop Kerajaan.
(2 markah)

- b) Nyatakan salah satu fungsi utama woksyop dalam pengurusan kenderaan.
(2 markah)

- c) Berikan **dua (2)** piagam pelanggan JKR berkaitan woksyop berserta contoh bagi setiap satu.
(8 markah)

- d) Nyatakan takrifan bagi penyenggaraan berkala dan pembaikan berserta contoh bagi setiap satu.
(8 markah)

SOALAN 2

Sebelum kerja-kerja penyenggaraan kenderaan kerajaan dilaksanakan, kerja perolehan perlu dilakukan terlebih dahulu mengikut tatacara dan pekeliling yang telah digariskan oleh kerajaan.

SOALAN 2 (sambungan)

- a) Kerajaan telah membenarkan jabatan kerajaan yang tidak mempunyai woksyop yang lengkap dengan peralatan dan kakitangan mahir untuk menyenggara kenderaan jabatan masing-masing namun ianya tertakluk kepada had kos penyenggaraan yang telah ditetapkan.

Nyatakan had kos penyenggaraan tersebut bagi:

- i) motosikal
- ii) kereta saloon
- iii) kenderaan ringan selain kereta saloon
- iv) kenderaan berat

(8 markah)

- b) Nyatakan Objek Sebagai yang digunakan bagi kerja penyenggaraan kenderaan di bawah:

- i) Pembaikan secara dalaman oleh kakitangan jabatan yang hanya melibatkan pembelian alat ganti.
- ii) Kerja pembaikan di woksyop luar jabatan (*outsource*).

(4 markah)

- c) Terdapat segelintir penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib disebabkan memecah kecil perolehan untuk mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender. Berikan **dua (2)** punca dan kaedah mengatasinya.

(8 markah)

SOALAN 3

Penyenggaraan adalah amat penting bagi memastikan kenderaan kerajaan berada dalam ketersediaannya dalam melancarkan operasi sebuah jabatan.

- a) Nyatakan **dua (2)** kepentingan penyenggaraan kenderaan berserta contoh.

(4 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Senaraikan **dua (2)** langkah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan penyenggaraan dan pembaikan kenderaan.

(4 markah)

- c) Nyatakan **tiga (3)** kaedah pemeriksaan fizikal untuk mengenal pasti kerosakan kenderaan berserta contoh.

(6 markah)

- d) Berikan **tiga (3)** proses kerja servis menukar minyak pelincir kenderaan bagi agensi yang memiliki stor peralatan servis kenderaan.

(6 markah)

SOALAN 4

Penyenggaraan kenderaan yang efisen mampu memanjangkan hayat kenderaan.

- a) Nyatakan **dua (2)** jenis penyenggaraan tayar kenderaan.

(4 markah)

- b) Pegawai kenderaan Agensi B telah melakukan pemeriksaan pada kenderaan jabatan pada 6 November 2024 dan hasil pemeriksaan adalah seperti berikut:

Tarikh servis terdahulu	:	2 Jun 2024
Bacaan odometer servis terdahulu	:	130,000 km
Bacaan odometer terkini	:	139,500 km
Cadangan servis oleh pengeluar	:	Setiap 10,000km/ 6 bulan

Adakah kenderaan tersebut perlu melaksanakan servis dengan kadar segera? Mengapa?

(6 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- c) Minyak enjin terpakai adalah salah satu sisa buangan terjadual yang perlu diuruskan menurut Akta 127 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Berikan **lima (5)** kriteria tempat pengumpulan sisa buangan terjadual di woksyop.

(10 markah)

SOALAN 5

Kenderaan kerajaan adalah merangkumi Kenderaan Jabatan, Kereta Konsesi dan Kenderaan Rasmi Jawatan.

- a) Berikan maksud secara ringkas kenderaan berikut berserta contoh:

- i) Kenderaan Jabatan
- ii) Kereta Konsesi
- iii) Kenderaan Rasmi Jawatan

(12 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** jenis Kad Inden bagi Kenderaan Kerajaan.

(8 markah)

SOALAN 6

Buku log kenderaan kerajaan adalah dokumen rasmi yang digunakan bagi merekod maklumat kenderaan, rekod penyenggaraan, butir-butir penggunaan kenderaan serta notis kesalahan lalu lintas.

- a) Nyatakan **dua (2)** tanggungjawab pemandu dalam penggunaan buku log kenderaan.

(4 markah)

- b) Nyatakan **dua (2)** tanggungjawab pegawai kenderaan dalam penggunaan buku log kenderaan.

(4 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- c) Berikan **satu (1)** tanggungjawab Ketua Jabatan dalam penggunaan buku log kenderaan.

(2 markah)

- d) **Jadual 6** di bawah menunjukkan rekod penggunaan kenderaan dan petrol bagi sebuah kenderaan kerajaan sepanjang bulan Oktober 2024.

Jenis Kenderaan : Proton Waja
 Jumlah Kapasiti Tangki : 50 liter

Tarikh	Bacaan Odometer	Isian (Liter)	Catatan
01-10-2024	54,344	Tiada	Tangki Penuh
09-10-2024	54,559	47	Penuh
17-10-2024	54,872	45	Penuh
24-10-2024	55,115	46	Penuh
01-11-2024	55,227	20	Isian penuh pertama awal bulan

Jadual 6

- i) Kira kadar penggunaan bahan api pada bulan Oktober 2024 dan baki isipadu bahan api (liter) pada awal bulan berikutnya.

(6 markah)

- ii) Berdasarkan jawapan soalan 6(d) (i) kadar penggunaan bahan api, nyatakan kesimpulan prestasi kenderaan tersebut dan tindakan yang boleh diambil.

(4 markah)

SOALAN 7

Pengurusan Kenderaan Kerajaan juga melibatkan sewaktu peristiwa kemalangan bagi menjaga kepentingan individu, kenderaan kerajaan dan pihak yang terlibat.

SOALAN 7 (sambungan)

- a) Nyatakan **tiga (3)** tanggungjawab pemandu apabila sebuah kenderaan kerajaan terlibat dengan kemalangan.

(6 markah)

- b) Nyatakan status skim perlindungan insurans bagi kenderaan kerajaan berikut:

- i) Kenderaan Jabatan
- ii) Kenderaan Rasmi Jawatan
- iii) Kenderaan Konsesi

(6 markah)

- c) Sekiranya kenderaan kerajaan telah terlibat dalam kemalangan, nyatakan **dua (2)** tindakan yang perlu diambil oleh pihak Polis.

(4 markah)

- d) Kenderaan jabatan telah terlibat dalam kemalangan dengan kenderaan orang awam. Siasatan kes oleh pihak Polis mendapati kenderaan kerajaan bersalah dalam kemalangan tersebut. Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh pihak berikut:

- i) Jurutera Mekanikal yang memeriksa kenderaan kerajaan
- ii) Ketua Jabatan pemilik kenderaan kerajaan

(4 markah)

SOALAN 8

Pelupusan aset adalah salah satu dari fasa kitar hayat aset termasuk kenderaan kerajaan. Bagi memastikan prestasi semasa sebuah kenderaan, proses penilaian dilakukan sebelum tindakan.

- a) Nyatakan **tiga (3)** faktor pertimbangan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19.

(6 markah)

SOALAN 8 (sambungan)

- b) Nyatakan tempoh sah laku Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19.

(2 markah)

- c) Berikan **dua (2)** kaedah pelaksanaan Jualan Terus bagi Pelupusan secara Jualan Sisa.

(4 markah)

- d) Kirakan harga semasa kenderaan di bawah.

Jenis/model kenderaan	:	Toyota Fortuner 2.5G (D) Auto
Tahun dibuat	:	2008
Harga pembelian asal	:	RM189,880.00
Harga pasaran semasa	:	RM41,800.00
Bacaan odometer	:	183,043 km
Anggaran kos penyenggaraan	:	RM12,860.00
Kadar susut nilai JKR	:	24%

(8 markah)

SOALAN 9

- a) Alat Pelindung Keselamatan (PPE) perlu digunakan semasa kerja-kerja di bengkel bagi mengelakkan kecederaan.

Huraikan secara ringkas fungsi berserta **dua (2)** contoh kerja bengkel yang terlibat bagi PPE berikut:

- i) Pelindung mata jernih
- ii) Pelindung pendengaran
- iii) Kasut keselamatan

(12 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** tanda amaran / larangan / keselamatan yang terdapat dalam sesebuah bengkel.

(8 markah)

SOALAN 10

- a) Berikan **dua (2)** perbezaan di antara kenderaan petrol, diesel, *hybrid* dan elektrik.

(8 markah)

- b) Nyatakan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kekurangan kenderaan elektrik.

(8 markah)

- c) Nyatakan **dua (2)** cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh woksyop bagi mengikuti perkembangan semasa kenderaan elektrik.

(4 markah)
